

SYARAT-SYARAT MELAKUKAN LOKUM BAGI PEGAWAI FARMASI KKM

Pelaksanaan lokum bagi Pegawai Farmasi KKM adalah mengikut prinsip umum seperti berikut:

1. Terbuka kepada semua:-
 - i. Pegawai Farmasi KKM lantikan tetap; dan
 - ii. Telah tamat tempoh perkhidmatan wajib dengan Kerajaan.
2. Boleh dijalankan di **farmasi komuniti sahaja**.
3. Boleh dijalankan hanya selepas waktu pejabat, pada hari kelepasan am, cuti hujung minggu, cuti belajar dan cuti dalam perkhidmatan seperti:
 - i. cuti rehat
 - ii. cuti separuh gaji
 - iii. cuti tanpa gaji
4. Pegawai Farmasi perlu melengkapkan borang BPF/302-LOKUM2 dan mendapatkan kebenaran daripada Ketua Jabatan dan Pengarah Hospital masing-masing serta mengemukakan permohonan mendapatkan Lesen A di Cawangan Penguatkuasa Negeri yang berkenaan.
5. Bagi pegawai farmasi yang ingin melakukan lokum bukan di negeri di mana pegawai tersebut bertugas, satu salinan Borang BPF/302-LOKUM2 yang telah diluluskan oleh Pengarah Hospital hendaklah dihantar kepada Timbalan Pengarah Kanan Negeri (Farmasi) di mana pegawai itu bertugas.
6. Pegawai Farmasi yang menjalankan lokum juga bertanggungjawab untuk merekod aktiviti lokum yang dilakukannya dengan menggunakan borang rekod aktiviti lokum. (Borang BPF/302-LOKUM2 dan borang rekod aktiviti lokum boleh dimuat turun dari portal BPF).

7. Pegawai bertanggungjawab penuh ke atas dirinya semasa menjalankan lokum dan tidak akan membabitkan Kerajaan. Oleh itu, pegawai perlu mempunyai *medical insurance* bagi perlindungan sekiranya berlaku/timbul kes-kes *medico- legal* semasa menjalankan lokum.
8. Pegawai perlu mematuhi *Code of Conduct for Pharmacists and Bodies Corporate* oleh Lembaga Farmasi Malaysia.
9. Adalah menjadi tanggungjawab pegawai untuk mengisytiharkan pendapatan yang diperolehi melalui lokum kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri.
10. Pegawai perlu mematuhi Peruntukan-peruntukan di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
11. Lokum tidak boleh diamalkan di farmasi komuniti di mana pegawai mempunyai kepentingan seperti mempunyai saham dan sebagainya.
12. Lokum hanya dibenarkan dijalankan di farmasi komuniti yang berlesen dan berdaftar.
13. Pegawai hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan masing-masing.
14. Lokum tidak boleh dijalankan semasa pegawai dikehendaki menjalankan tugas-tugas rasmi atau tugas atas panggilan.
15. Keistimewaan ini tidak meliputi:
 - i. Pegawai Farmasi Provisional
 - ii. Pegawai Farmasi warga asing
 - iii. Pegawai Penguatkuasa Farmasi